

Pertandingan memancing Pesta Konvo USIM tawar hadiah RM7,000

SEREMBAN 25 Nov. - Wang tunai berjumlah RM7,000 serta pelbagai hadiah menarik ditawarkan kepada pemenang pertandingan memancing terbuka sempena Pesta Konvokesyen Ke-11 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Penolong Pengurus Pengedaran Utusan Melayu (M) Bhd., Mohamad Fahmi Asraf Khan berkata, pertandingan tersebut terbuka kepada orang ramai bermula pukul 8 pagi, bertempat di tasik universiti berkenaan pada 1 Disember ini.

"Pemenang tempat pertama ber-

peluang membawa pulang RM3,000 manakala tempat kedua RM2,000 dan ketiga RM1,500 serta tempat keempat RM500.

"Peserta yang berjaya menduduki tempat kelima hingga ke-20 turut berpeluang membawa pulang hadiah berbentuk hamper," katanya di sini hari ini.

Jelas beliau, setiap penyertaan akan dikenakan yuran sebanyak RM30 untuk satu joran dan 250 peserta terawal berdaftar akan menerima kemeja-T pertandingan.

"Lebih menarik, peserta berpe-

luang membawa pulang pelbagai jenis barangan elektrik menerusi cabutan bertuah.

"Sebarang pertanyaan berhubung pertandingan ini boleh diajukan dengan menghubungi urus setia di talian 019-3841009, 012-3643022, 013, 2667011, 013-3052811 atau 017-3727420," ujar beliau lagi.

Katanya, hanya satu kategori dipertandingkan iaitu ikan terberat dan pendaftaran awal juga boleh dibuat di Pejabat Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM di Nilai dekat sini.